

# Seminar biomass untuk pengeluaran biofuel

KUCHING, Jumaat - Malaysia mempunyai potensi tinggi untuk memainkan peranan penting dalam pengeluaran biofuel dan produk lain seperti biokomposit, kertas dan pulpa serta baja bio daripada sisa buangan pertanian termasuk 1.7 juta tan (tandan kelapa sawit kosong), 4.5 juta tan (batang kelapa sawit) dan 1.35 juta tan (jerami padi) yang dihasilkan setiap tahun.

Berbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk

memajukan teknologi inovatif pengeluaran produk biomass telah dilaksanakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan pusat penyelidikan lain. Dijangka akan dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

Untuk mengetahui penemuan penyelidikan berkaitan penggunaan biomass serta mengkaji potensi penggunaan bahan mentah ini, mereka yang berminat boleh menyertai seminar 'Biomass for Biofuel and Value-added Products'

pada 27 dan 28 Oktober depan di The Saujana Kuala Lumpur, Jalan Lapangan Terbang Subang.

Seminar bertemakan 'Towards Efficient Utilization of Biomass' yang dianjurkan bersama oleh FRIM dan Universiti Malaysia Pahang itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang potensi penggunaan biomass, menyediakan forum untuk membincangkan isu berkaitan serta berkongsi penemuan penyelidikan terkini dengan sektor swasta, pihak indus-

tri, penggubal polisi serta para penyelidik.

Selain itu, satu pameran juga akan diadakan untuk memaparkan produk, teknologi terbaru serta perkhidmatan yang berkaitan.

Untuk pertanyaan ataupun pendaftaran seminar tersebut, boleh menghubungi Dr Wan Asma Ibrahim atau Rafidah Jalil di talian 03-62797311/736717280 dan e-mel [sbbvap09@frim.gov.my](mailto:sbbvap09@frim.gov.my) atau layari laman: [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my).